


Bahagian A
[30 markah]
[Masa dicadangkan : 30 minit]

Soalan ini mesti dijawab.

*Grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan sungai.
 Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang sungai di negara kita.
 Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*



Bahagian B

[70 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

*Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.**Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.*

1. Permainan tradisional dapat ditakrifkan sebagai permainan budaya yang sudah diamalkan oleh masyarakat untuk satu tempoh tertentu. Namun begitu, permainan ini semakin dipinggirkan terutamanya oleh generasi muda. Oleh itu, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara telah menganjurkan Festival Permainan Tradisional pada peringkat kebangsaan agar permainan ini sentiasa terpelihara dan tidak hilang ditelan zaman.

Sumber : *Berita Harian*

Jelaskan usaha yang terdapat dalam petikan di atas berserta usaha-usaha lain untuk mempopularkan warisan budaya tersebut.

2. Kementerian Pendidikan (KPM) mencatatkan 6,208 kes buli melibatkan murid hingga Oktober 2024 berbanding 6,528 kes pada tahun sebelumnya. Kesan buli itu sangat besar dan bukan hanya akan menjejaskan fizikal malah mungkin merosakkan mental mangsa. Kadangkala, kesan buli terhadap individu membawa kepada impak yang lebih buruk seperti meningkatkan risiko untuk mencederakan atau cubaan membunuh diri. Disebabkan itu, kita semua perlu mengambil tahu dan lebih peduli akan individu yang terdedah dengan buli.

Sumber: Internet

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan kesan-kesan gejala sosial berkenaan.

3. KUALA LUMPUR: Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang menyeru agar semua pihak berusaha mengekalkan perpaduan kaum di negara ini. Masyarakat perlu cakna akan tanggungjawab mengekalkannya demi masa hadapan negara. Oleh itu, pelbagai program perpaduan berimpak tinggi telah dijalankan kerana perpaduan kaum dapat meningkatkan keharmonian hidup masyarakat.

Sumber : *Astro Awani*

Jelaskan kepentingan yang terdapat dalam petikan di atas berserta kepentingan-kepentingan lain untuk mengekalkan nilai tersebut.

4. Dalam suasana alam pekerjaan yang semakin mencabar, lebih 116,000 graduan perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan untuk membuka peluang pekerjaan yang lebih luas. Mereka berdepan saingan sengit sesama sendiri kerana lambakan graduan yang masih menganggur di negara ini. Oleh itu, setiap graduan seharusnya perlu melakukan persiapan dari awal terutamanya dalam aspek akademik.

Sumber : *Berita Harian*

Selain persiapan yang terdapat dalam petikan, bincangkan persiapan-persiapan sebelum golongan berkenaan memasuki alam kerjaya.

- KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT -

